

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Jangan menggunakan ubat-ubat ini jika anda sedang hamil, cuba untuk hamil, atau tidak menggunakan pencegah kehamilan yang mencukupi kecuali anda sudah berbincang dengan doktor anda.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak serta hendak mengambil ubat-ubat ini untuk serangan migren anda.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sudah (untuk 2 minggu yang lepas) atau sedang mengambil ubat-ubat lain seperti ubat-ubat anti-migren lain.

Ubat-ubat ini mungkin menyebabkan mengantuk, mengganggu kesedaran dan pemikiran. Jangan memandu atau mengendalikan mesin semasa pengambilan ubat-ubat ini.

Jika kesakitan kepala berulangan atau hanya sedikit keleaan didapati selepas dos permulaan, dos boleh diulangi. Namun, selepas kegagalan untuk mengawal serangan migren selepas dos pertama, pesakit patut menjumpai doktor sebelum mengulangi dos.

Pesakit yang menerima rawatan ergotamine untuk jangka masa panjang mungkin akan mengalami kesakitan kepala semula apabila ubat ini dihentikan.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering dan dingin. Lindungi ubat daripada kelembapan, haba dan cahaya matahari langsung.

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

UBAT-UBAT ANTI-MIGREN



SINGHEALTH / PIL / M79R0



MENGENAI ubat anda

Ergotamine, Zolmitriptan, Sumatriptan, Naratriptan dan Eletriptan digunakan untuk melegakan serangan migren yang akut. Mereka tidak digunakan untuk mencegah atau mengurangkan bilangan serangan.

(Bahan aktif di dalam Cafergot® adalah ergotamine.

Cafergot® juga mengandungi kafein dan fungsi utamanya di dalam ubat ini adalah untuk meningkatkan penyerapan ergotamine)

Lima jenis ubatan oral adalah seperti yang berikut:

Bahan Aktif	Kekuatan/Tablet
Ergotamine	1mg
Zolmitriptan	2.5mg
Sumatriptan	50mg, 100mg
Naratriptan	2.5mg
Eletriptan	40mg

BAGAIMANA cara untuk saya mengambil ubat ini?

Ergotamine:

Ubat ini patut diambil sebaik sahaja selepas simptom pertama kesakitan kepala iaitu pada permulaan kesakitan kepala. Jumlah ubat yang diperlukan, berapa cepat serta tahap kelegaan bergantung pada secepat mana ubat ini diambil. Selepas dos permulaan diambil, pesakit harus berbaring dan berehat di dalam bilik yang gelap serta sunyi agar segera semuh.

Dos biasa untuk orang dewasa bagi Ergotamine ialah 2 tablet diikuti dengan dose yang seterusnya dalam masa 30 minit sehingga serangan sudah reda atau sehingga sejumlah 6 biji tablet sehari atau 10 biji tablet seminggu sudah diambil. Rawatan tidak patut diulangi dalam selang masa yang kurang daripada 4 hari.

Sumatriptan:

Tidak seperti ergotamine, sumatriptan masih berkesan walaupun diambil pada lewat serangan. Namun, anda dinasihati mengambil ubat semasa tanda pertama serangan migren.

Untuk pengawalan kesakitan migren yang akut dan simptom-simptom yang berkenaan, satu tablet 50mg atau 100mg sumatriptan boleh diambil. Jika tindakan yang memuaskan masih tidak didapati dalam masa 2 jam, dos yang kedua boleh diambil. Jumlah dos harian tidak boleh melebihi 300mg.

Naratriptan:

Satu dos tunggal setengah hingga satu biji tablet (1.25mg hingga 2.5mg) Naratriptan biasanya sudah mencukupi untuk melegakan serangan migren yang akut. Jika kesakitan kepala berulang atau hanya sedikit kelegaan didapati selepas dos permulaan, dos boleh diulangi selepas 4 jam. Dos maksima naratriptan yang boleh diambil untuk jangka masa 24 jam adalah 5mg.

Zolmitriptan:

Apabila mengambil Zolmitriptan, anda dinasihati supaya mengambil ubat semasa tanda pertama serangan migren. Setengah hingga satu tablet (1.25mg hingga 2.5mg) Zolmitriptan boleh diambil untuk kelegaan pada awalnya. Jika simptom-simptom berulang atau hanya sedikit kelegaan didapati selepas dos permulaan, dos boleh diulangi selepas 2 jam. Jumlah pengambilan tidak boleh melebihi 10mg dalam masa 24 jam.

Eletriptan:

Eletriptan masih berkesan walaupun diambil lewat semasa serangan. Namun, anda dinasihati mengambil ubat semasa tanda pertama serangan migren.

Untuk pengawalan kesakitan migren akut dan simptom-simptom yang berkenaan, setengah hingga satu tablet 40mg Eletriptan boleh diambil. Jika tindakan yang memuaskan masih tidak didapati dalam masa 2 jam, dos kedua boleh diambil. Jumlah dos harian tidak boleh melebihi 160mg.

Ringkasan untuk garis panduan dos:

Bahan aktif	Dos	Dos Maksima Harian/ Mingguan	Kesan ubat bermula
Ergotamine 1mg/tablet	Dua tablet diikuti dengan satu tablet setiap 30 minit	6mg atau 6 tablet sehari/10mg atau 10 tablet seminggu	Bergantung pada secepat mana ubat diambil
Zolmitriptan 2.5mg/tablet	Setengah hingga satu tablet diikuti dengan dos kedua selepas 2 jam	10mg atau 4 tablet sehari	Dalam masa 1 jam
Sumatriptan 50mg atau 100mg/tablet	Satu tablet (50mg atau 100mg) diikuti dengan dos kedua selepas 2 jam	300mg sehari	Kira-kira 0.5-2 jam
Naratriptan 2.5mg/tablet	Setengah hingga satu tablet diikuti dengan dos kedua selepas 4 jam	5mg atau 2 tablet sehari	2-3 jam
Eletriptan 40mg/tablet	Setengah hingga satu tablet diikuti dengan dos kedua selepas 2 jam jika simptom-simptom berulang selepas kelegaan awal	160mg dalam jangka masa 24 jam	Dalam masa 1 jam

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku apabila mengambil ubat ini?

Kesan-sesan sampingan yang mungkin berlaku adalah berkaitan dengan sistem kardiovaskular (CVS), sistem saraf pusat (CNS) dan sistem gastrousus (GIT). Kesan-sesan sampingan tersebut disenaraikan dengan lebih terperinci pada jadual yang berikut.

Bahan Aktif	Kesan-sesan Sampingan
Ergotamine	CVS: Kekejangan, kesakitan dada, kebas dan perasaan menyucuk pada jari-jari tangan. CNS: Rasa mengantuk, kepeninggan GIT: Mual, muntah, cirit-birit
Zolmitriptan	CNS: Kepeninggan Endokrin: Perasaan panas pada muka (<i>hot flushes</i>) Saraf dan otot: Perasaan sakit atau luar biasa (<i>Paresthesia</i>)
Sumatriptan	CNS: Kepeninggan GIT: Rasa tidak enak pada mulut Saraf dan otot: Rasa menyucuk
Naratriptan	CNS: Rasa mengantuk, kepeninggan, rasa hendak sakit, keletihan GIT: Mual, muntah Lain-lain: Kesakitan atau tekanan pada tekak atau leher
Eletriptan	CNS: Rasa mengantuk GIT: Mual Saraf dan otot: Kelemahan